



Norhidawati Abdul Aziz
Pengasas Genius Baby On Board
Playground, Puchong & Shah Alam

Kenapa Anak Lebih dengar cakap kawan?

Biasa bukan, kita, melihat anak-anak lebih mudah mempercayai rakan-rakannya daripada percayakan kita sebagai ibu bapa mereka? Apa sebabnya anak lebih percaya orang lain berbanding kita yang melahir dan membesarkannya? Apa istimewaanya rakan mereka dan di mana pula silap ibu bapa?

Terdapat beberapa faktor mengapa anak lebih percaya kepada kawan iaitu, ibu bapa kurang meluangkan masa untuk anak, tidak mengambil tahu kehidupan harian mereka, tidak mengenali rakan-rakan anak atau, dengan siapa mereka berkanan dan bersosial sehari-hari.

Selain itu, sikap ibu bapa yang memberikan kebebasan lebih dari yang sepatutnya atas alasan dunia kanak-kanak sekarang tidak seperti dahulu.

Satu lagi sebab penting adalah ibu bapa sering tiada di sisi anak apabila diperlukan.

Peranan Pendidikan

Pendidikan adalah melalui tauladan dan bukannya paksaan. Anak-anak lebih mempercayai apa yang mereka lihat berbanding apa yang mereka dengar. Contohnya, kita selalu memberitahu anak yang kita suka membaca ketika kecil dahulu. Tetapi, di hadapan mata mereka jarang pula kita membaca malah asyik berkepit dengan telefon bimbit.

Bermula dari kecil, amaikan sikap 'menjaga tepi kain anak' untuk semua perkara. Ambil tahu, ambil peduli dan tunjukkan yang kita berminat dalam setiap perkara yang mereka lalui. Keperayaan memerlukan masa untuk dibina, maka binalah kepercayaan itu sedari anak kecil membawa ke usia remaja.

Wah Anak Hormat

Bermula dengan situasi yang kecil dan mampu dikawal mengikut usia anak, berikan kepercayaan untuk anak selesaikan sendiri. Sebagai contoh, mengemas beg mengikut jadual ke sekolah. Selepas kita mengajar anak bagaimana mengemas beg mengikut jadual, lihat tindak balas anak-anak. Adakah anak boleh melakukannya sendiri? Jika tidak, gunakan ayat positif bagi menggalakkan anak besikap bertanggungjawab terhadap kelengkapan ekolahnya. Tekankan ayat menjelaskan bahawa kita PERCAYA yang anak boleh berdikari sendiri.

Bersikap tegas apabila perlu dan 'walk the talk'. Kita tetapkan syarat untuk anak bermain iPad hanya pada hujung minggu, tetapi apabila berlaku sesuatu insiden, kita sendiri yang melanggarnya dan memberi kebenaran walaupun bukan pada waktu yang sepatutnya. Anak yang bijak secara automatik tahu bahawa ibu bapanya tidak mematuhi peraturan yang mereka tetapkan. Lama-kelamaan, rasa hormat anak akan hilang kerana ibu bapa mereka 'cakap tak serupa bikin.'

Kesetiaan dan Kepercayaan

Ibu bapa kuat berleter atau membebel walaupun untuk kesalahan kecil. Anak menjadi bosan dan mencari seseorang untuk meluahkan rasa. Selepas ibu bapa, rakan adalah orang yang paling rapat dengan anak. Asalnya

mungkin untuk melepaskan rasa tidak puas hati, tetapi apabila rakan menasihati (nasihati ini boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada kawan-kawan anak kita), lama kelamaan, anak rasa lebih mudah percaya rakan daripada ibu bapa sendiri.

Ibu bapa kurang atau tidak mahu memahami situasi yang dialami apabila mereka memerlukan seseorang untuk bercakap. Mungkin disebabkan oleh kesibukan harian mencari rezeki, kadang-kadang ibu bapa lupa untuk berbicara dengan anak. Jadi, proses mengenali diri anak ketika dia sedang membesar itu banyak yang terlepas pandang. Akhirnya, anak mencari alternatif lain iaitu rakan sebaya dan percayalah dalam jangka panjang, kepercayaan terhadap rakan akan lebih banyak daripada ibu bapa.

Ibu bapa tidak menunjukkan contoh yang baik kepada anak. Apabila kita berjanji, kita mungkin, bagi kita mungkin perkara kecil, tetapi bagi anak ia mungkin besar maknanya. Contohnya, kita janji untuk jemput anak balik dari sekolah jam 4.00 petang. Tetapi, sering kali kita lewat. Pada kita, mungkin ia biasa sehingga kita tidak meminta maaf dan menerangkan sebab kelewatan kita. Anak menjadi pemerhati apa yang kita lakukan. Hingga masa berlalu janji kita tidak dapat dipercayai lagi. Anak mula mencari role model lain, dan dari situ anak mudah terpengaruh dengan persekitaran dan rakan-rakan adalah pengaruh terbesar kepada anak-anak kita.